

**TEKS UCAPAN:
YBHG. DATO' MD HUSSIN NAYAN
(KETUA PENGARAH IDFR)**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN HARI INFORMASI PERPUSTAKAAN,
INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)**

9 OKTOBER 2013 | PERPUSTAKAAN IDFR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Kegemilangan dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan”.

Yang Dihormati Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Ambassador Aminahtun Hj. A. Karim,
Timbalan Ketua Pengarah IDFR,

Puan Hajah Kamariah Jaafar
Timbalan Pengarah Perpustakaan IDFR,

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi atas kesempatan dan
limpah kurnia yang dianugerahkan olehNya membolehkan kita bersama-

sama berkumpul dalam Majlis Perlancongan Hari Informasi Perpustakaan IDFR .

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berusaha, Puan Hajah Kamariah Jaafar, Timbalan Pengarah Perpustakaan kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan hari terbuka iaitu Hari Informasi Perpustakaan IDFR 2013.

Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya difahamkan, program hari terbuka ini merupakan yang julung kali diadakan di IDFR. Program ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh pihak Perpustakaan untuk mendekatkan diri dengan masyarakat supaya masyarakat mengetahui fungsi perpustakaan. Penganjuran program seumpama ini memberi ruang kepada pihak perpustakaan untuk memperkenalkan perkhidmatan, koleksi dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada pelanggannya. Di samping itu ianya juga menjadi platform untuk perpustakaan dan pelanggan saling bertukar idea untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan maklumat.

Dengan adanya hari terbuka ini, diharap semua kakitangan akan lebih peka dan tahu secara menyeluruh mengenai fungsi perpustakaan. Program ini juga memberi ruang kepada kakitangan IDFR berfikir secara inovatif dan kreatif mengenai kaedah penyampaian maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Usaha pihak perpustakaan mengadakan hari terbuka ini amatlah dipuji kerana ianya juga memberi peluang kepada Warga Perpustakaan

berkongsi aspirasi dengan Warga Perpustakaan dan kakitangan agensi/kementerian lain ke arah memupuk masyarakat berbudaya membaca dan celik maklumat.

Saya difahamkan juga bahawa pihak Perpustakaan IDFR amat gigih berusaha menjalankan program galakan membaca. Berbekalkan semangat yang tinggi untuk menggalakkan Warga IDFR meminjam buku serta mengunjungi perpustakaan, berbagai program telah dijalankan seperti '*Everyone Can Borrow*' iaitu perkhidmatan pinjam buku dari meja ke meja, pameran, kuiz, tayangan video, anugerah pembaca cemerlang dan sebagainya. Keaktifan pihak Perpustakaan menjalankan aktiviti galakan membaca ini telah melayakkannya Perpustakaan IDFR menerima Anugerah Perpustakaan Gunasama Cemerlang 2011 daripada pihak Perpustakaan Negara Malaysia.

Sebelum saya akhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada pihak Perpustakaan yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan majlis ini.

Akhir kata dengan lafaz Bismillahhirahmannirrahim, saya dengan penuh rasa kesyukuran dan sukacita merasmikan **HARI INFORMASI PERPUSTAKAAN IDFR 2013.**

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

DATO' MD HUSSIN NAYAN

9 OKTOBER 2013